

17 JUN 1999

Umno - Pilihan raya (Rangkuman)

GENDANG PERANG UMNO HADAPI PILIHAN RAYA MULA DIPALU

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Paluan gendang perang pilihan raya Umno semakin jelas kedengaran apabila sayap Pemuda dan Wanitanya menunjukkan semangat tinggi dan persediaan mereka menghadapi pilihan raya pada perhimpunan agung masing-masing hari ini.

Mereka menyatakan tekad merapatkan barisan untuk menangkis segala serangan pembangkang yang menganggap pilihan raya akan datang sebagai peluang terbaik untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional ekoran kegawatan ekonomi dan peristiwa yang berlaku dalam Umno.

Wakil-wakil negeri yang berucap membahaskan usul ucapan Ketua Wanita dan Ketua Pemuda mencerminkan keazaman dan kesediaan untuk menjawab segala tuduhan dan tohmahan pembangkang terhadap kerajaan menjelang pilihan yang diramal oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad paling kotor dalam sejarah Malaysia.

Wakil Kelantan Khadijah Mohamad malahan yakin Umno kini cukup kuat untuk merampas kembali negeri itu daripada pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika merasmikan perhimpunan agung kedua-dua sayap parti itu serentak, memulakan paluan dengan mengajak anggota Umno mengorak langkah bersama menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan mendedahkan putar belit pihak yang menafikan peranan Islam dalam perjuangan Umno.

Sambil mengingatkan bahawa Islam merupakan tunggak perjuangan Umno selama ini, Abdullah yang menjalankan tugas Timbalan Presiden mahu anggota Umno memaparkan muslihat pembangkang mengeksploitasi dan memanipulasi kebangkitan Islam untuk kepentingan politik semata-mata.

"Mereka mengemukakan hujah-hujah agama untuk melemahkan perjuangan bangsa Melayu," katanya.

Menurut beliau, pembangkang menyamakan semangat kebangsaan Melayu yang menjadi teras perjuangan Umno dengan fahaman "assabiyah" yang sempit.

Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula berkata pergerakan itu bersiap sedia untuk mempertahankan kesinambungan Umno pada pilihan raya akan datang.

"Wanita tidak rela senario politik negara dijadikan medan pertempuran oleh golongan yang mengeksploitasi keadaan dan bertujuan menjatuhkan kerajaan atau sebagai sebab untuk menukar sistem yang ada," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein turut menyatakan iltizam anggota-anggota menghadapi segala cabaran bagi meneruskan perjuangan Umno.

"Pemuda akan meneruskan agenda Umno untuk memastikan kesinambungan perjuangan Melayu dalam meninggikan syiar agama Islam, mengangkat martabat bangsa, mempertahankan nilai dan kebudayaan, memperkukuhkan kedudukan ekonomi dan mendaulatkan institusi Raja-raja Melayu," katanya.

Kenyataan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri-negeri hari ini, mencerminkan daya juang dan persediaan Umno menghadapi pilihan raya.

Menurutnya jentera pilihan raya Umno di seluruh negara kini dalam keadaan bersiap sedia daripada segi logistik dan tenaga kerja pilihan raya untuk digerakkan sepenuhnya bagi menghadapi pilihan raya.

Umno, katanya, hanya menunggu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan untuk mengadakan pilihan raya umum bagi menggerakkan jentera parti di peringkat negeri dan bahagian.

Umno juga telah mempertingkatkan sistem maklumat balas dua hala antara ibu pejabat parti dan negeri telah dipertingkatkan untuk memantapkan persediaan, katanya.

Khalil juga berkata semua cawangan dan bahagian kini telah bersiap sedia dengan poster serta senarai penceramah dalam bidang agama, politik dan ekonomi.

Katanya semua bahagian serta cawangan juga telah bersiap sedia dengan isu untuk ceramah pilihan raya termasuk isu nasional dan setempat.

-- BERNAMA

ZKS MAI